

05 SEP 1997

Umno-Harakah

KERAJAAN DIGESA HARAMKAN HARAKAH

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Seorang perwakilan ke perhimpunan agung Umno hari ini menggesa kerajaan supaya mengharamkan akhbar tabloid milik Pas "Harakah" daripada dijual kepada orang ramai kerana ia melaga-lagakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan ulama dan mufti.

Wakil Kelantan Hajah Zaleha Hussin berkata Harakah adalah pembawa fitnah dan mengadu-domba antara Dr Mahathir dan ulama.

Ketika membahas usul ucapan terima kasih atas ucapan dasar presiden, beliau berkata memandangkan penerbitan akhbar itu juga tidak ada kelulusan daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN), amatlah wajar akhbar itu diharamkan.

Zaleha berkata perlu diingatkan bahawa di Kelantan Harakah merupakan akhbar yang paling laris bagi kumpulan-kumpulan tertentu di negeri itu.

Beliau berkata, "maka minda orang Kelantan khususnya di luar bandar melihat apa yang disebut oleh Harakah itu benar dan apa yang ditulis oleh akhbar lain salah."

Katanya oleh itu apa yang disebut oleh Harakah perlu dirobah, dibuang dan dihapuskan.

"Kita nak melihat penduduk Kelantan menerima sesuatu pandangan yang baik yang dikeluarkan oleh badan-badan rasmi kita," kata Zaleha. -- BERNAMA
HT AHH